



# Mimbar Darul Tafsir

**#69: Pelajaran Dari Kisah Nabi Ibrahim Mencari Tuhan**

---

Penulis Artikel

**USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN**

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)  
Universiti Teknologi Nanyang Singapura



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



[bit.ly/alkhairmosque](http://bit.ly/alkhairmosque)

## Pelajaran Dari Kisah Nabi Ibrahim Mencari Tuhan

وَكَذِلِكَ نُرِيَ إِبْرَاهِيمَ مَلْكُوتَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَلَيَكُونَ مِنَ الْمُوْقِنِينَ

“Dan demikianlah Kami perlihatkan kepada Nabi Ibrahim kebesaran dan kekuasaan (Kami) di langit dan di bumi dan supaya menjadilah dia dari orang-orang yang percaya dengan sepenuh-penuh yakin.” (Al-An`am:75)

فَلَمَّا جَنَّ عَلَيْهِ الْلَّيلُ رَءَاهُ كَوْكَبًا ۖ قَالَ هَذَا رَبِّيٌّ فَلَمَّا أَفَلَ قَالَ لَا أُحِبُّ  
الْأَلْفِيلَنَّ

“Maka, ketika dia berada pada waktu malam yang gelap, dia melihat sebuah bintang (bersinar-sinar), lalu dia berkata: Inikah Tuhanku? Kemudian, apabila bintang itu terbenam, dia berkata pula: Aku tidak suka kepada yang terbenam hilang.” (Al-An`am:76)



فَلَمَّا رَءَا الْقَمَرَ بَازِغًا قَالَ هَذَا رَبِّي فَلَمَّا آتَى أَفَلَ قَالَ لَئِن لَّمْ يَهْدِنِي رَبِّي  
لَا كُوئَنَّ مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ

“Kemudian, apabila dilihatnya bulan terbit (menyinarkan cahayanya), dia berkata: Inikah Tuhanaku? Maka, setelah bulan itu terbenam, berkatalah dia: Demi sesungguhnya, jika aku tidak diberikan petunjuk oleh Tuhanaku, nescaya menjadilah aku dari kaum yang sesat.” (Al-An`am:77)

فَلَمَّا رَءَا الشَّمْسَ بازِغَةً قَالَ هَذَا أَكْبَرٌ فَلَمَّا آتَى أَفَلَتْ قَالَ يَقْوِمُ  
إِنِّي بَرِيءٌ مِّمَّا تُشْرِكُونَ

“Kemudian, apabila dia melihat matahari sedang terbit (menyinarkan cahayanya), berkatalah dia: Inikah Tuhanaku? Ini lebih besar. Maka, setelah matahari itu terbenam, dia berkata pula: Wahai kaumku! Sesungguhnya aku berlepas diri (bersih) dari apa yang kamu sekutukan (Allah dengannya).” (Al-An`am:78)



إِنِّي وَجَهْتُ وَجْهِي لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًاٰ وَمَا أَنَا مِنَ  
الْمُشْرِكِينَ

“Sesungguhnya, aku hadapkan muka dan diriku kepada Allah yang menciptakan langit dan bumi, sedang aku tetap di atas dasar tauhid dan bukanlah aku dari orang-orang yang menyekutukan Allah (dengan sesuatu yang lain).” (Al-An`am:79)



03



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



[bit.ly/alkhaimmosque](http://bit.ly/alkhaimmosque)

# PELAJARAN

Ayat-ayat di atas menceritakan tentang **proses yang dilalui oleh Nabi Ibrahim a.s dalam mencari Tuhan yang sebenar.**

**Nabi Ibrahim a.s berusaha menggunakan akalnya untuk mencari Tuhan.** Pada mulanya, dia menyangka bintang, bulan dan matahari adalah Tuhan untuk disembah, tapi kemudiannya merumuskan bahawa ia adalah satu kesilapan kerana setiap satu mempunyai kelemahan. Maka, kesemuanya tidak layak untuk disembah sebagai Tuhan.

Akhirnya, Nabi Ibrahim a.s merumuskan bahawa Tuhan yang sebenar ialah Allah taala, dan dia beriman kepadaNya.



04



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



[bit.ly/alkhaimmosque](http://bit.ly/alkhaimmosque)

Sebahagian ulama tafsir berpendapat bahawa ayat-ayat ini bukan menceritakan tentang pengalaman Nabi Ibrahim a.s mencari Tuhan, tetapi **menceritakan tentang cara Nabi Ibrahim a.s berdakwah kepada kaumnya untuk beriman kepada Allah taala**, iaitu dengan menunjukkan bahawa segala bintang, bulan dan matahari yang mereka sembah tidak layak untuk disembah sebagai Tuhan.

Kisah di atas memberitahu bahawa **Al-Quran mengiktiraf akal sebagai satu wasilah untuk mengenal Tuhan yang sebenar dan kemudian beriman kepadaNya**.

**Iman kepada Tuhan tidak semestinya dicapai melalui wahyu, kemudian diikuti dengan penggunaan akal untuk berfikir tentang wahyu. Ia boleh juga dicapai dengan penggunaan akal dahulu, iaitu dengan merenung alam (jalan ahli sains) dan dengan menggunakan logik akal (jalan ahli falsafah) yang kemudiannya disabitkan pula oleh wahyu Tuhan.**



05




Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



[bit.ly/alkhaimmosque](http://bit.ly/alkhaimmosque)



Hal ini adalah kerana **manusia berbeza-beza**. Ada yang mudah mengenali Tuhan melalui proses wahyu dan ada pula yang mudah mengenaliNya melalui akal dahulu.

**Proses mencari Tuhan melalui akal dahulu akan terdedah pada proses ‘cuba dan salah (trial and error)’ sebelum sampai kepada iman yang benar, sebagaimana yang terkandung dalam ayat-ayat ini.**

Hal ini bermakna, **Al-Quran bersikap terbuka terhadap usaha manusia untuk bereksperimen dan kemudian tersilap, dalam perjalanan mencari kebenaran.**

Hidayah Tuhan mungkin datang melalui proses yang berliku dan rumit, dan bukan secara langsung.



06

Hal ini memberitahu Muslim untuk **tidak mudah mencela mereka yang masih terkapai-kapai dalam perjalanan mencari Tuhan** kerana mungkin jalan hidayah yang Allah tentukan bagi mereka ialah sedemikian.

Dalam ayat-ayat ini, Allah tidak mencela kesilapan Nabi Ibrahim a.s dalam memilih bintang, bulan dan matahari sebagai Tuhan. **Allah taala memilih untuk melihat natijah dari usahanya, iaitu akhirnya dia sampai kepada iman yang betul.**

Seseorang yang belum tiba ke destinasi kebenaran tidak patut dicela jika dia menunjukkan keikhlasan dan kesungguhan dalam usahanya, kerana Allah taala tetap menghargai usahanya itu. Namun, **ketibaannya ke destinasi kebenaran bukanlah seratus peratus ketentuannya sendiri, malah, ia juga bergantung pada ketentuan Allah taala atau hidayah dariNya.**



Jika Allah taala bersikap terbuka terhadap kesilapan manusia dalam mencari dan beriman kepadaNya – tunggak penting ajaran Islam, **Muslim seharusnya bersikap lebih terbuka terhadap kesilapan manusia dalam hal-hal lain**, sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran dan pembinaan diri.

Ayat ini juga adalah **dalil wujudnya pembelajaran melalui pengalaman (experiential learning) dan ia digunakan untuk mengajak manusia beriman kepada Allah taala dan juga tujuan-tujuan yang lain**.

**Beberapa pelajaran bagi dakwah pula;**

a) **dakwah tidak semestinya dalam bentuk ceramah semata-mata. Ia boleh menggunakan kaedah ‘experiential learning’ juga.** Kaedah ini juga boleh digunakan dalam proses pendidikan agama anak-anak di dalam keluarga oleh ibu bapa dan di sekolah oleh guru-guru



08



Al-Khair Mosque



+65 6760 1139



[bit.ly/alkhaimmosque](http://bit.ly/alkhaimmosque)

- b) terdapat jalan-jalan hidayah yang berbeza bagi kelompok manusia, sesuai dengan perbezaan keperluan pembelajaran mereka**
- c) manusia digalakkan untuk bereksperimen dan tidak menyuap sahaja (spoon feeding)**
- d) nilai tinggi harus diberikan kepada penggunaan akal, namun manusia tidak seharusnya bersifat dogmatik**



*Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.*

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalaq budi anda dengan kebaikan setimpal!



09



- b) terdapat jalan-jalan hidayah yang berbeza bagi kelompok manusia, sesuai dengan perbezaan keperluan pembelajaran mereka**
- c) manusia digalakkan untuk bereksperimen dan tidak menuap sahaja (spoon feeding)**
- d) nilai tinggi harus diberikan kepada pengunaan akal, namun manusia tidak seharusnya bersifat dogmatik**



*Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.*

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalaq budi anda dengan kebaikan setimpal!



09

